




# BULETIN PERDANA

JANUARI - MAC 2021 | BIL 1/2021 | WWW.PMO.GOV.MY | BP@PMO.GOV.MY



**LINDUNG DIRI,  
LINDUNG SEMUA.**

**PROGRAM  
IMUNISASI  
COVID-19  
KEBANGSAAN**

**PAKEJ RANGSANGAN  
EKONOMI TAMBAHAN**

- PEMERKASA
- PERMAI



3

## FOKUS

- 03 Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan  
Lindung Diri, Lindung Semua

## KERAJAAN PRIHATIN

- 06 Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA)
- 07 Pakej Bantuan Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (PERMAI)
- 08 Proklamasi Darurat  
Berpaksikan Sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen
- 09 Setahun Malaysia Prihatin  
Cabaran Utama Kerajaan Prihatin Rakyat: Melindungi Nyawa dan Kehidupan
- 10 Inisiatif dan Program Kebangsaan



13


12

## RANGKUMAN AKTIVITI

- 12 Hubungan Antarabangsa  
Malaysia - Indonesia Kukuhkan Jalinan Kerjasama
- 13 Lawatan Rasmi YAB Perdana Menteri ke Arab Saudi dan Emiriah Arab Bersatu
- 14 Sambutan Tahun Baru Cina  
Jadikan Semangat 'Year of the Ox' Sebagai Inspirasi Dalam Mengharungi Cabaran yang Sedang Melanda
- 15 Sambutan Ke-214 Hari Polis Negara
- 16 Lensa Aktiviti
- 18 Kunjungan Hormat



15



6



YAB Perdana Menteri bersama YB Menteri Kesihatan dan YB Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi pada Pelancaran Handbook PICK

# PROGRAM IMUNISASI COVID-19 KEBANGSAAN

**LINDUNG DIRI, LINDUNG SEMUA**

**A**LHAMDULILLAH bekalan vaksin COVID-19 telah selamat tiba bermula 21 Februari 2021 dan Malaysia telah memulakan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) pada 24 Februari 2021 melalui tiga (3) fasa.

Diharapkan rakyat Malaysia yang layak diberikan suntikan vaksin akan mendaftar untuk mendapatkan suntikan vaksin masing-masing seperti yang dijadualkan.

Vaksinasi ini amat penting untuk membentuk imuniti berkelompok (*herd immunity*) dengan memastikan sekurang-kurangnya 80 peratus penduduk dewasa di Malaysia menerima vaksin. Ini secara langsung dapat membendung penularan jangkitan COVID-19 daripada menjadi lebih teruk.

Syabas dan tahniah kepada Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Vaksin dan semua pihak serta agensi yang terlibat, khususnya Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Pengangkutan dan Malaysia Airlines Berhad yang telah memastikan bekalan vaksin selamat tiba di Malaysia.

Petikan penuh di [www.pmo.gov.my](http://www.pmo.gov.my)

## Ketua Editor

Marhaini Kamaruddin

## Editor

Rozaman bin Ismail  
Ismail Amsyar Mohd Said  
Mohd Yusof Saari  
Shahrudin Mohamad Nor

## Tim

Mohamad Ruzainie Reezman  
Mohamad Aisham Manap  
Mazlan Samion  
Najibah Mohamad Nor

Wirawati Dewi Ahmad  
Liyana Safra Zaabar  
Norazlinawati Walid  
Nurul Fazira Mohamad Zain

# PROGRAM IMUNISASI COVID-19 KEBANGSAAN



- Bermula pada 24 Februari 2021
- Suntikan pertama kepada YAB Perdana Menteri
- Mensasarkan 80% populasi bersamaan 26.5 juta rakyat Malaysia
- Suntikan diberikan secara percuma
- Pendaftaran permohonan vaksinasi melalui apliaksi MySejahtera
- Terdapat 600 pusat simpanan dan pemberian vaksin

## 3 INFO RINGKAS MENGENAI VAKSIN



Vaksin dihasilkan daripada sebahagian atau keseluruhan struktur virus atau bakteria yang dimatikan atau dilemahkan, atau dari protein subunit pada virus



Antigen dalam vaksin berfungsi untuk merangsang sistem imuniti tubuh



Vaksin membantu sistem imun mengenal pasti kuman-kuman tertentu supaya sistem imun cukup bersedia diserang kuman sebenar

## 3 FASA PEMBERIAN VAKSIN DALAM PROGRAM IMUNISASI COVID-19 KEBANGSAAN



Feb – Apr 2021,  
Sasar 500,000  
pekerja kesihatan,  
perkhidmatan penting  
dan pertahanan  
divaksin



Apr – Ogos 2021,  
Sasar 9.4 juta  
warga emas, pesakit  
penyakit kronik dan  
OKU divaksin




Mei 2021 – Feb 2022,  
Sasar 13.7 juta  
populasi dewasa  
berumur 18 tahun  
ke atas divaksin

Sumber: Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV)



YAB Perdana Menteri menjadi individu pertama menerima vaksin COVID-19 pada Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan



Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah berkenan melihat proses suntikan vaksin COVID-19 ketika membuat lawatan ke Pusat Vaksinasi Kem Sungai Besi



YAB Perdana Menteri semasa meninjau kesiapsiagaan pusat pemberian vaksin (PPV) di Institut Kanser Negara (IKN)



YAB Perdana Menteri merupakan orang yang pertama menerima Lencana Vaksinasi MY COVID-19 seurus selesai menerima suntikan dos kedua vaksin COVID-19

# LINDUNG DIRI, LINDUNG SEMUA

**// Yakin dan percayalah bahawa usaha yang sedang dilakukan oleh kerajaan adalah untuk melindungi rakyat daripada jangkitan COVID-19 //**

YAB Perdana Menteri  
24 Februari 2021

<https://www.facebook.com/ts.muhyiddin/posts/3793577387387459>



YAB Perdana Menteri ketika melawat Pusat Vaksinasi COVID-19 Daerah Kota Kinabalu di Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah



YAB Perdana Menteri ketika melawat Pusat Pemberian Vaksin (PPV), Klinik Kesihatan Kampung Gial, Arau, Perlis

# PEMERKASA

PROGRAM STRATEGIK  
MEMPERKASA RAKYAT  
DAN EKONOMI

PADA masa ini, negara kita sedang berada pada tahap kelima Strategi 6R Pelan Komprehensif Pemulihan Ekonomi, iaitu 'Revitalise' atau Memperkasa ekonomi.

Sehubungan itu, kerajaan telah mengenal pasti 5 Fokus

Utama program pemulihan dan pemerkasaan ekonomi sepanjang tahun 2021 dan pada 17 Mac 2021 yang lalu, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan Program Strategik memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA) bernilai RM20 bilion, dengan suntikan fiskal baharu berjumlah RM11 bilion.

PEMERKASA menumpukan 20 inisiatif strategik bagi melonjakkan pertumbuhan ekonomi, menyokong perniagaan dan meneruskan bantuan bersasar untuk meringankan beban yang sedang ditanggung oleh rakyat, mengukuhkan semula pertumbuhan ekonomi dan merancang aktiviti perniagaan.



# PERMAI

PERLINDUNGAN  
EKONOMI & RAKYAT  
MALAYSIA

**K**ERAJAAN membuktikan bahawa tidak pernah akan berkompromi di dalam memastikan kesejahteraan rakyat, kelangsungan perniagaan dan ketahanan ekonomi. Maka, pada 18 Januari 2021 yang lalu, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan sebuah pakej bantuan Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia, atau secara ringkasnya, PERMAI yang bernilai sebanyak RM15 bilion.

Secara amnya, pakej bantuan PERMAI

menambah baik inisiatif sedia ada yang masih berterusan dan juga mempercepatkan pelaksanaan inisiatif yang berkaitan. Sebanyak 22 inisiatif disediakan di bawah PERMAI yang berteraskan kepada tiga matlamat utama.

Bagi membiayai pakej bantuan PERMAI, Kerajaan akan membuat penajaran semula peruntukan sedia ada berdasarkan keutamaan semasa dan melalui perbelanjaan yang lebih berhemat.

//

*I believe the resourcefulness, tenacity and resilience inherent in our true Malaysian spirit will serve us well in facing this great adversity. We will prevail, insha-Allah.*

//

YAB Perdana Menteri  
18 Januari 2021  
Pengumuman Khas Pakej Bantuan  
Perlindungan Ekonomi & Rakyat  
Malaysia (PERMAI)



# RM15 BILION

## 3 Matlamat Utama



Infografik Kementerian Kewangan Malaysia.  
Untuk mendapatkan maklumat lanjut PERMAI sila layari [belanjawan2021.treasury.gov.my](http://belanjawan2021.treasury.gov.my)

# PROKLAMASI DARURAT

BERPAKSIKAN SISTEM RAJA

BERPERLEMBAGAAN DAN

DEMOKRASI BERPARLIMEN



Sumber Grafik: Unit Fotografi, Jabatan Penerangan Malaysia

**P**ADA 11 JANUARI 2021 YAB Perdana Menteri telah diterima menghadap oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk mempersembahkan nasihat Jemaah Menteri agar Seri Paduka Baginda mengeluarkan Proklamasi Darurat menurut Perkara 150(1) Perlembagaan Persekutuan untuk mengisytiharkan Darurat bagi seluruh Persekutuan berkuat kuasa mulai 11 Januari 2021 hingga 1 Ogos 2021 untuk ampun perkenan Seri Paduka Baginda.

Menurut Perkara 150(1) Perlembagaan Persekutuan, ancaman terhadap kehidupan ekonomi merupakan salah satu asas untuk sesuatu proklamasi darurat dibuat memandangkan dunia pada masa ini sedang berhadapan dengan ancaman pandemik COVID-19 yang telah secara langsung menjadi ancaman besar terhadap kehidupan ekonomi rakyat di negara ini.

//

Saya merayu saudara dan saudari sekalian supaya kekal tenang dan memberikan kepercayaan serta sokongan sepenuhnya kepada kerajaan untuk membendung penularan COVID-19 dengan lebih berkesan sepanjang tempoh darurat dilaksanakan.

//

YAB Perdana Menteri  
12 Januari 2021  
Pengumuman Khas Darurat

Bagi memastikan pengurusan darurat di seluruh negara berjalan lancar, Kerajaan telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Darurat yang akan dipengerusikan bersama oleh YB Menteri Undang-Undang dan Ketua Setiausaha Negara. Jawatankuasa teknikal ini antara lain akan bertanggungjawab untuk:

1. Memantau isu-isu berkaitan pelaksanaan dan pengurusan darurat;
2. Meneliti dan mengkaji isu-isu berbangkit berkaitan darurat dan mengesyorkan cadangan penyelesaian;
3. Menyelaras pengurusan darurat bersama pihak yang berkaitan di peringkat Persekutuan dan Negeri; dan
4. Mengetuai pemantauan dan naziran penguatkuasaan undang-undang berkaitan darurat di semua peringkat

Selain itu jawatankuasa ini juga akan dianggotai oleh lapan ahli tetap iaitu Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Peguam Negara, Panglima Angkatan Tentera, Ketua Polis Negara, Ketua Pengarah Kesihatan, Ketua Pengarah Keselamatan Negara dan Ketua Kluster.



# SETAHUN MALAYSIA PRIHATIN

CABARAN UTAMA

KERAJAAN PRIHATIN

RAKYAT:

MELINDUNGI NYAWA

DAN KEHIDUPAN

**D**ALAM mengurus krisis wabak Covid-19 sejak setahun lalu, cabaran dan tumpuan utama Kerajaan adalah untuk melindungi nyawa dan kehidupan rakyat. Sepanjang tahun lalu, Kerajaan telah mengambil langkah berani dan proaktif. Antaranya dengan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan pada masa yang sama memperkenalkan pelbagai pakej rangsangan ekonomi yang bernilai RM305 bilion. Langkah ini diambil untuk membendung penularan COVID-19 dan pada masa yang sama meringankan beban rakyat serta memastikan kelangsungan perniagaan.

## 10 STRATEGI HALA TUJU KERAJAAN PRIHATIN RAKYAT

- mengawal penularan Covid-19
- memulihara ekonomi
- pemerksaan ekonomi digital
- penciptaan peluang pekerjaan
- pendidikan digital
- membasmi kemiskinan
- menjamin keselamatan rakyat
- mengukuhkan perpaduan rakyat
- mengutuhkan peranan di Peringkat Antarabangsa
- menambahbaik Sistem Kesihatan Negara



**TERAS 1**  
Memacu transformasi digital sektor awam

**TERAS 2**  
Meningkatkan daya saing ekonomi melalui pendigitalan

**TERAS 3**  
Membina infrastruktur digital yang menyokong

**TERAS 4**  
Membangunkan bakat digital yang tangkas dan kompeten

**TERAS 5**  
Mewujudkan masyarakat digital yang inklusif

**TERAS 6**  
Membina persekitaran digital yang dipercayai, selamat dan beretika

# MyDIGITAL

## RANGKA TINDAKAN EKONOMI DIGITAL MALAYSIA

**P**ADA 19 FEBRUARI 2021, YAB Perdana Menteri telah melancarkan MyDIGITAL dan Rangka Tindakan (Blueprint) Ekonomi Digital Malaysia.

YAB Perdana Menteri menekankan bahawa inisiatif MyDIGITAL melalui Rangka Tindakan (Blueprint) Ekonomi Digital mengandungi pelan pendekatan senegara atau *whole of nation approach*. Dalam menghadapi kemunculan ekosistem digital masa depan, semua pihak berkepentingan perlu mengadaptasi secepat mungkin dalam menghadapi cabaran sebuah negara yang terhubung atau “a connected nation.”

// MyDIGITAL menetapkan gabungan inisiatif dan sasaran merentasi tiga fasa pelaksanaan sehingga tahun 2030.

Menjelang tahun 2025, ekonomi digital dijangka menyumbang 22.6 peratus kepada KDNK negara. //

YAB Perdana Menteri  
19 Februari 2021  
Pelancaran MyDIGITAL dan Rangka Tindakan  
Ekonomi Digital Malaysia



## PELAN PEMERKASAAN KEPIMPINAN KOMUNITI RUKUN TETANGGA 2021-2030

**P**ADA 28 FEBRUARI 2021, YAB Perdana Menteri telah melancarkan Pelan Pemerkasaan Kepimpinan Komuniti Tetangga 2021 - 2030.

KRT Selamat melalui Skim Rondaan Sukarela (SRS), KRT Sihat di bawah Agenda Nasional Malaysia Sihat, KRT Bersih dan Indah dengan pelaksanaan Program Local Agenda 21, dan KRT Sejahtera melalui pelaksanaan beberapa inisiatif seperti Projek Ekonomi Rukun Tetangga dan Program Sayangi Komuniti.

YAB Perdana Menteri berkongsi 4 Agenda Kerja KRT iaitu



## DASAR PERPADUAN NEGARA DAN RANGKA TINDAKAN (BLUEPRINT)

**P**ADA 15 FEBRUARI 2021, YAB Perdana Menteri telah melancarkan Dasar Perpaduan Negara Dan Rangka Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030.

Dasar Perpaduan Negara ini berkonsepkan Perpaduan Dalam Kepelbagaian, telah menetapkan strategi jangka panjang yang menggariskan usaha berterusan untuk memupuk, mengukuh dan memelihara perpaduan dalam kalangan rakyat.



YAB Perdana Menteri diiringi Presiden Indonesia Joko Widodo memeriksa barisan kawalan kehormat oleh Pasukan Keselamatan Presiden Indonesia pada sambutan negara di Istana Merdeka sempena lawatan rasmi beliau ke Indonesia

# MALAYSIA - INDONESIA KUKUHKAN JALINAN KERJASAMA



Sidang Media Bersama YAB Perdana Menteri Malaysia dan Presiden Indonesia

**P**ADA 4 dan 5 Februari 2021 yang lalu, YAB Perdana Menteri, Tan Sri Dato' Sri Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin telah mengadakan lawatan rasmi ke Republik Indonesia yang merupakan lawatan rasmi pertama YAB Perdana Menteri sejak beliau dilantik pada Mac 2020. Memandangkan pandemik Covid-19 khususnya di Malaysia dan Indonesia masih berlarutan, YAB Perdana Menteri sendiri meminta agar lawatan rasmi bagi

memenuhi jemputan Kerajaan Indonesia ini diadakan secara singkat iaitu kurang daripada 24 jam. Selain itu, untuk meminimumkan risiko dijangkiti Covid-19, lawatan rasmi YAB Perdana Menteri ke Indonesia hanya diiringi oleh delegasi kecil. Hanya seorang Menteri Kabinet akan mengiringi YAB Perdana Menteri iaitu Menteri Luar Negeri, YB Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein. Selain delegasi kecil, lawatan ini juga tertakluk kepada SOP pencegahan Covid-19 yang amat ketat.



YAB Perdana Menteri dan isteri dijemput oleh Kerajaan Arab Saudi untuk memasuki Kaabah ketika menunaikan ibadah umrah



YAB Perdana Menteri bersama Putera Mahkota Arab Saudi, Mohammed Salman Abdulaziz Al-Saud



YAB Perdana Menteri bersama Putera Mahkota Abu Dhabi yang juga Komander Tertinggi Angkatan Tentera UAE, Sheikh Mohamed Zayed Al Nahyan

## LAWATAN RASMI YAB PERDANA MENTERI KE ARAB SAUDI DAN EMIRIAH ARAB BERSATU

**Y**AB Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin telah mengadakan lawatan rasmi ke Arab Saudi dari 6 hingga 9 Mac 2021 dan ke Emiriah Arab Bersatu (United Arab Emirates – UAE) dari 9 hingga 11 Mac 2021. Ini merupakan lawatan rasmi pertama YAB Perdana Menteri ke Arab Saudi dan UAE sejak beliau dilantik pada 1 Mac 2020, yang bertujuan memperkukuh hubungan dua hala sedia ada selain meneroka peluang kerjasama baharu dalam pelbagai bidang khususnya dalam urusan umrah dan haji, ekonomi dan pelaburan.

# SAMBUTAN TAHUN BARU CINA

JADIKAN SEMANGAT

'YEAR OF THE OX'

SEBAGAI INSPIRASI

DALAM MENGHARUNGI CABARAN

YANG SEDANG MELANDA



**||** *Perayaan ini menjadi bukti sikap saling menghormati dalam kalangan kaum dan agama di negara ini. Kita perlu mengekalkan kekuatan ini yang merupakan teras utama perpaduan negara yang kita cintai.* **||**

*YAB Perdana Menteri  
20 Februari 2021  
Perutusan Sempena Tahun Baru Cina*





25 Mac 2021 - Sambutan Hari Polis ke-214 di Dataran Kawad PULAPOL Kuala Lumpur

# SAMBUTAN KE-214 HARI POLIS NEGARA

POLIS DAN MASYARAKAT BERPISAH TIADA

“*Menyedari betapa besarnya agenda memerangi dan membanteras jenayah ini, maka saya ingin menyeru kepada semua pihak untuk berganding bahu dan bekerjasama dengan PDRM bagi membanteras apa juga usaha dan tindakan anasir yang cuba menggugat kedaulatan negara dan ketenteraman rakyat.*”

YAB Perdana Menteri  
25 Mac 2021

Amanat Sempena Perbarisan Sambutan Hari Polis ke-214



JANUARI - MAC 2021

# LENSA AKTIVITI

RAKAMAN LENSA BEBERAPA AKTIVITI RASMI YAB PERDANA MENTERI



YAB Perdana Menteri Malaysia berkesempatan menguji gogal First Person View (FPV goggle) ketika sesi lawatan ke SG Academy



7 Januari 2021 - Lawatan ke SG Academy, Sentul, Kuala Lumpur untuk pelaksanaan Program Peningkatan dan Pemahiran Semula



19 Januari 2021 - Tinjauan Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 2.0 (PKRC) di MAEPS, Serdang



16 Januari 2021 - Sidang Darurat Majlis Keselamatan Negara (MKN)



26 Januari 2021 - Mesyuarat pertama Majlis Kemakmuran Bumiputera (MKB)



24 Mac 2021 - Majlis Pelancaran TRAC (APM) serta perasmian bangunan baharu Ibu Pejabat APM di Ibu Pejabat Angkatan Pertahanan Awam (APM) Sungai Merab, Kajang



30 Mac 2021 - Majlis Pelancaran Pelan Transformasi Koperasi Malaysia 2021-2025 (TransKoM)

# KUNJUNGAN HORMAT



## KUNJUNGAN HORMAT YAB DATUK SERI PANGLIMA HAJIJI NOOR, KETUA MENTERI SABAH

**4 JANUARI 2021** - YAB Perdana Menteri telah menerima kunjungan hormat daripada YAB Datuk Seri Panglima Haji Noor, Ketua Menteri Sabah di bangunan Perdana Putra.

Ini merupakan pertemuan secara bersemuka mereka untuk kali pertama sejak YAB Datuk Seri Haji Noor diangkat sebagai Ketua Menteri Sabah.

Pelbagai perkara berkaitan kemajuan negeri Sabah termasuk perkembangan terkini kes COVID-19 dan usaha-usaha yang dilaksanakan kerajaan negeri dalam menangani penularan wabak itu di sana dibincangkan.

Selain itu, Datuk Seri Ketua Menteri juga mengutarakan cadangan keperluan dan keutamaan negeri Sabah untuk Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12).



## KUNJUNGAN HORMAT DELEGASI PERSATUAN BOLA SEPAK MALAYSIA (FAM)

**18 FEBRUARI 2021** - YAB Perdana Menteri telah menerima kunjungan hormat delegasi Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) yang diketuai oleh Presidennya, Datuk Haji Hamidin Haji Mohd Amin di bangunan Perdana Putra.

Hadir sama Naib Presiden FAM merangkap Ketua Pegawai Eksekutif Malaysian Football League (MFL),

Datuk Ab Ghani Hassan dan Setiausaha Agung FAM, Stuart Ramalingam.

Datuk Haji Hamidin berkongsi mengenai agenda terkini dan hala tuju perkembangan bola sepak tempatan yang direncana FAM, antaranya saingan Liga Malaysia dan persiapan pasukan kebangsaan untuk aksi kelayakan Piala Dunia 2022 dan Piala Asia 2023.



## KUNJUNGAN HORMAT DELEGASI SYARIKAT NINE DRAGONS PAPER (HOLDINGS) LIMITED

**2 MAC 2021** - YAB Perdana Menteri telah menerima kunjungan hormat delegasi syarikat pengeluar kertas dan 'paperboard' terbesar di Asia yang telah memberikan komitmen untuk menambah pelaburan sebanyak RM5.4 bilion di Malaysia.

Delegasi syarikat Nine Dragons Paper (Holdings) Limited itu diwakili oleh Pengerusinya, Puan Cheung Yan dan Timbalan

Ketua Pegawai Eksekutif syarikat itu, Encik Zhang Cheng Fei. Hadir sama Menteri Kanan Ekonomi yang juga Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, YB Dato' Seri Azmin Ali dan Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), YBhg. Dato' Azman Mahmud.

Penambahan pelaburan oleh Kumpulan Nine Dragons Paper ini jelas menunjukkan keyakinan pelabur asing untuk terus menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan mereka.



## KUNJUNGAN HORMAT TYT DR VIVIAN BALAKRISHNAN, MENTERI LUAR NEGERI SINGAPURA

**23 MAC 2021** - YAB Perdana Menteri telah menerima kunjungan hormat oleh TYT Dr Vivian Balakrishnan, Menteri Luar Negeri Singapura sempena lawatan rasmi beliau ke Malaysia pada 23 dan 24 Mac 2021.

Dr Vivian diiringi oleh TYT Vanu Gopala Menon, Pesuruhjaya Tinggi Singapura ke Malaysia, dan Encik Chee Wee Kiong, Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri republik itu. Turut hadir di pihak Malaysia, YB Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Luar Negeri; Dato' Sri Muhammad Shahrul Ikram Yaakob, Ketua Setiausaha Kementerian Luar

Negeri; dan beberapa orang pegawai kerajaan.

Pelbagai aspek hubungan dua hala Malaysia-Singapura yang melibatkan bidang seperti perdagangan, pelaburan dan kesihatan dibincangkan. YAB Perdana Menteri juga telah mengambil kesempatan membangkitkan mengenai keadaan semasa di Myanmar dan hala tuju ASEAN dalam menangani krisis ini.

# BULETIN PERDANA

Pejabat Perdana Menteri,  
Blok Utama,  
Bangunan Perdana Putra,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62502 Putrajaya,  
Malaysia

**603-8888 8000 | [www.pmo.gov.my](http://www.pmo.gov.my) | [bp@pmo.gov.my](mailto:bp@pmo.gov.my)**

**[f@PejabatPerdanaMenteri](#) [@malaysiapmo](#) [@MalaysiaPMO](#) [@PejabatPerdanaMenteriMalaysia](#)**

**[t.me/PejabatPerdanaMenteri](#)**